

KESEDIAAN GURU KOLEJ VOKASIONAL TERHADAP PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

MOHAMMAD HAZRUL BIN MD JORI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



KESEDIAAN GURU KOLEJ VOKASIONAL TERHADAP PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

MOHAMMAD HAZRUL BIN MD JORI



LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

No. Matrik /Matric's No.:

Saya / I :

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya projek kerja kursus ini berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dato' Dr. Abdul Latif Bin Haji Gapor penyelia projek kerja kursus ini yang banyak memberikan panduan dan nasihat .

Tidak lupa kepada guru-guru Kolej Vokasional Taiping, Kamunting, Perak yang terlibat di dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar dan rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat.

Akhir sekali, pengkaji amat menghargai pengorbanan dan sokongan yang diberikan daripada ahli keluarga, terutamanya isteri kesayangan Nur Azila Bte Mohd Yusoff, ayah Md Jori Bin Yaacob dan bonda Zakiah Bte Hj Muda.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesediaan guru Kolej Vokasional terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Terdapat tiga aspek kesediaan guru terhadap penggunaan komputer, iaitu sikap guru terhadap komputer, tahap pengetahuan aplikasi komputer dan tahap kemahiran aplikasi komputer. Kajian ini dijalankan secara tinjauan dan responden kajian ini terdiri daripada 80 guru dari Kolej Vokasional Taiping. Analisis deskriptif (frekuensi, min dan sisihan piawai) dan analisis inferensi (ujian Anova, ujian t dan Korelasi Pearson) dilakukan keatas data kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap guru terhadap penggunaan komputer adalah positif manakala tahap pengetahuan aplikasi komputer dan tahap kemahiran aplikasi komputer berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan tahap kesediaan guru terhadap penggunaan komputer berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesediaan guru terhadap komputer dengan faktor demografi umur, jantina dan kehadiran kursus komputer manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan dengan faktor demografi gred jawatan, pengalaman mengajar dan bidang pengkhususan..





ABSTRACT

This study aimed to identify teachers' preparedness Vocational College of using computers in teaching and learning . There are three aspects of the teachers ' preparedness to use computers , the teachers' attitudes towards computers , computer application knowledge and skill levels of computer applications . The study was conducted through a survey and respondents in this study consists of 80 teachers from Taiping Vocational College . Descriptive analysis (frequencies , mean and standard deviation) and inferential analysis (ANOVA test, t-test and Pearson correlation) was performed on the data. The results showed that the teachers' attitude towards computer use are positive , while the level of knowledge of computer applications and computer application skill levels are at a moderate level . The results also showed the readiness of teachers to use computers at the moderate level . Results showed that there were significant differences between teachers' preparedness for computers with demographic factors of age, gender and the presence of computer courses there were no significant differences in demographic factors grade , teaching experience and field of specialization.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Batasan Kajian	9
1.8	Definisi Operasional	10
1.9	Penutup	12

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran	14
2.3	Kesediaan Guru Terhadap Komputer Dalam	

Pengajaran dan Pembelajaran	15
2.4 Aspek-aspek Kesiediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer dalam	17
2.5 Sikap Guru Terhadap Komputer dan Faktor Demografi	19
2.6 Pengetahuan Komputer Guru Kalangan Guru	22
2.7 Kemahiran Komputer Guru Kalangan Guru	24
2.8 Rumusan	26

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	27
3.2 Rekabentuk Kajian	28
3.3 Kerangka Konseptual Kajian	29
3.4 Populasi dan sampel kajian	30
3.5 Instrumen Kajian	31
3.4.1 Borang Soal Selidik	31
3.6 Kajian Rintis	33
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	35
3.8 Prosedur Analisis Data	35
3.9 Penutup	37

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	38
4.2 Latar Belakang Resonden	39
4.2.1 Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina	39
4.2.2 Latar Belakang Responden Berdasarkan Umur	40



4.2.3	Latar Belakang Responden Berdasarkan Gred Jawatan	41
4.2.4	Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	41
4.2.5	Latar Belakang Responden Berdasarkan Bidang Pengkhususan	42
4.2.6	Latar Belakang Responden Berdasarkan Kehadiran Kursus Komputer	43
4.3	Dapatan kajian	44
4.3.1	Persoalan Kajian 1 : Apakah sikap guru terhadap penggunaan komputer?	44
4.3.2	Persoalan Kajian 2 : Sejauh manakah tahap pengetahuan aplikasi komputer kalangan guru?	45
4.3.3	Persoalan Kajian 3 : Sejauh manakah tahap kemahiran aplikasi komputer kalangan guru?	47
4.3.4	Persoalan Kajian 4 : Sejauh manakah tahap kesediaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?	50
4.3.5	Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan daripada segi kesediaan guru terhadap penggunaan komputer berdasarkan faktor-faktor demografi iaitu umur, jantina, pengalaman mengajar, gred jawatan, bidang pengkhususan dan kehadiran kursus komputer?	51
4.4	Penutup	55



BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	56
5.2	Rumusan Kajian	57
5.3	Perbincangan	59
5.3.1	Sikap Guru Terhadap Komputer	59
5.3.2	Tahap Pengetahuan Aplikasi Komputer	60
5.3.3	Tahap Kemahiran Aplikasi Komputer	61
5.3.4	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer	62
5.3.5	Perbezaan Kesiediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer Berdasarkan Faktor Demografi	62
5.4	Cadangan	64

RUJUKAN	66
---------	----

LAMPIRAN

Lampiran A : Set Soal Selidik	76
Lampiran B : Keputusan Analisis Kebolehpercayaan (SPSS v.19 Print-Out)	80

**SENARAI JADUAL**

Jadual		Muka surat
3.1	Pembahagian Responden Berdasarkan Jantina dan Bidang Pengkhususan	30
3.2	Skala Likert yang dipangkatkan dari skala 1 hingga 4	33
3.3	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	34
3.4	Interpretasi Skor Min Bagi Sikap Terhadap Penggunaan Komputer, Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Aplikasi Komputer dan Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer	36
4.1	Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina	40
4.2	Latar Belakang Responden Berdasarkan Umur	40
4.3	Latar Belakang Responden Berdasarkan Gred Jawatan	41
4.4	Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	41
4.5	Latar Belakang Responden Berdasarkan Bidang Pengkhususan	42
4.6	Latar Belakang Responden Berdasarkan Kehadiran Kursus Komputer	43
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Guru Terhadap Penggunaan Komputer	45
4.8	Min dan Sisihan Piawai Tahap Pengetahuan Aplikasi Komputer	47
4.9	Min dan Sisihan Piawai Tahap Kemahiran Aplikasi	





	Komputer	49
4.10	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran	50
4.11	Ujian t Tahap kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer Berdasarkan Faktor Jantina dan Kehadiran Kursus Komputer	52
4.12	Ujian Anova Sehala Tahap kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer Berdasarkan Faktor Umur, Pengalaman Mengajar, Gred Jawatan dan Bidang Pengkhususan	54
4.13	Gambaran Keseluruhan Tahap kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer Berdasarkan Faktor Demografi	55
5.1	Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran	58
5.2	Faktor Demografi Kesan Keatas Kesiediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran	58





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka surat

3.1 Kerangka Konseptual

29





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Komputer memainkan peranan yang besar dalam kehidupan manusia. Secara sedar atau tidak, kewujudan komputer menjadi suatu kemestian bagi mana-mana organisasi sama ada besar ataupun kecil. Peranan yang dimainkan oleh komputer sememangnya tidak dinafikan ekoran daripada kemampuannya melaksanakan pelbagai tugas yang tidak mampu dilakukan oleh manusia secara manual dengan tepat dan cepat. Bidang pendidikan juga tidak ketinggalan menyusur arus perubahan ini dengan mengaplikasikan komputer dalam pelbagai aspek termasuklah pengajaran dan pembelajaran.





Penggunaan komputer dalam pendidikan di Malaysia, khususnya untuk proses pengajaran dan pembelajaran telah mendapat tempat di sekolah-sekolah di negara ini. Semenjak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sistem pendidikan kebangsaan telah mengalami perubahan demi perubahan. Menjelang abad ke-21, negara berhadapan dengan cabaran dalaman dan luaran kesan daripada proses globalisasi, liberalisasi dan tidak ketinggalan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Negara juga berhadapan dengan cabaran untuk membangunkan sistem ekonomi yang berasaskan pengetahuan (K-ekonomi) bagi menghadapi persaingan dari negara lain. Elemen utama yang diperlukan untuk menjayakan agenda negara adalah daripada sektor pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).



1.2 Latarbelakang Kajian

Dalam proses pengajaran, penggunaan pelbagai media adalah diutamakan untuk merangsang pemikiran pelajar, namun begitu teknologi komputer merupakan media penting yang digunakan untuk membantu guru menangani cabaran dunia kini dalam memantapkan ilmu di kalangan pelajar-pelajar. Namun begitu, setakat mana pengetahuan dan kebolehan para guru menggunakan komputer mengikut perkembangan teknologi maklumat semasa yang begitu cepat berubah. Perkembangan pendidikan baharu dalam pengetahuan teknologi komputer memerlukan anjakan peranan pendidikan dan profesion keguruan. Negara membangun memerlukan lebih ramai guru yang mempunyai pengkhususan bidang pengetahuan komunikasi maklumat (ICT).





Latihan pendidikan guru juga memerlukan perubahan paradigma bagi melahirkan guru-guru yang berkecakupan dan berkebolehan mendidik dan membangunkan masyarakat dan negara. Abdul Rahim (2005) menyatakan bahawa globalisasi yang meluaskan konsep dunia tanpa sempadan memberikan cabaran terhadap guru bagaimana perancangan pengajaran dan pembelajaran serta dunia pendidikan boleh dimajukan dari perspektif global yang melibatkan penyesuaian kurikulum, penjadualan belajar, penerokaan maklumat melalui ICT pengawalan dan penyeliaan, dan peranan efektif guru dalam memajukan dunia pendidikan.

Menurut Hjetland (1995) dalam Norizan Abdul Razak (1998), menyatakan penggunaan komputer dapat memudahkan tugas dan meningkatkan prestasi guru di dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Daripada pernyataan itu, penggunaan komputer dalam sistem pendidikan kini menjadi semakin dominan dan afektif. Segala maklumat akan mudah dicapai hanya di hujung jari sahaja. Pendekatan pengajaran secara tradisional secara sogokan nota-nota seharusnya dikikis dari pemikiran guru tetapi diubah dengan membekalkan pengetahuan dan kemahiran teknologi komputer ke arah mendapatkan maklumat.

Ellington, Percival dan Race (1993), menjelaskan bahawa penggunaan komputer dalam pendidikan mempunyai beberapa kekuatan dan kelemahan tersendiri yang mana lebih berasaskan sebagai satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan peranan individu. Ramai penulis menyatakan kekuatan penggunaan komputer dalam pendidikan adalah objektif pembelajarannya yang lebih luas;





pembelajarannya yang juga boleh dilakukan sendiri serta mendapat maklum balas segera melalui pendekatan interaktif; dan membolehkan simulasi pengalaman pembelajaran dilakukan secara terus. Manakala kelemahan penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran pula ialah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memerlukan guru-guru celik komputer atau sekurang-kurangnya berasa senang menggunakan papan kekunci, sukar mendapatkan bahan berasaskan komputer yang sesuai dan tersedia, dan usaha mereka bentuk bahan pembelajaran berasaskan komputer memerlukan kemahiran yang tinggi.

1.3 Penyataan masalah



Secara psikologinya, ramai guru menganggap penggunaan komputer menjadi beban kepada mereka kerana perlu membuat persediaan awal sebelum pengajaran. Selain itu, guru merasakan mereka dipaksa untuk terus belajar dengan kaedah yang baru. Walau bagaimanapun, kaedah ini mendatangkan kesan yang terbaik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ini disokong oleh Musa (2001), cara yang paling berkesan untuk memanfaatkan keupayaan komputer adalah dengan menjadikan alat untuk menjadikan kerja lebih mudah dan berkesan.

Walaupun bagaimanapun, menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2004), guru-guru sekolah tidak memanfaatkan sepenuhnya kemudahan teknologi komputer sebaliknya hanya menggunakannya untuk tujuan sampingan seperti bahan





audio-visual, kelas literasi komputer atau pemulihan dan pengayaan sahaja. Tahap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran guru juga masih rendah atau sederhana. Walaupun sumber dan latihan yang banyak telah diberikan, guru-guru masih juga didapati tidak menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut laporan Kementerian Pelajaran Malaysia (2004) pula, antara tahun 1999 hingga 2000, hanya 30% daripada guru yang telah diberi latihan dalam ICT mengintegrasikan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Sehingga kini penggunaan komputer masih belum lagi diimplementasikan secara menyeluruh ke dalam sistem pendidikan. Persoalannya di sini, adakah para guru mengimplementasikan penggunaan komputer ini dalam pengajaran dan pembelajaran?



05 Kesediaan guru terhadap penggunaan komputer merupakan salah satu elemen penting serta dapat memainkan peranan untuk meningkatkan penggunaan komputer dalam P&P dan membantu para pelajar menyesuaikan diri dalam suasana dan kaedah pembelajaran baru serta didedahkan dengan penggunaan teknologi yang baru. Justeru itu, kajian yang dijalankan adalah untuk melihat tahap kesediaan guru-guru di kolej vokasional berdasarkan tiga aspek iaitu sikap guru terhadap penggunaan komputer, tahap pengetahuan aplikasi komputer dan tahap kemahiran aplikasi komputer.





1.4 Objektif Kajian

Penulisan persoalan kajian adalah selari dengan penulisan objektif kajian. Objektif kajian ini dikenalpasti bagi mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian yang diajukan. Di sini pengkaji mengajukan beberapa objektif yang menjadi garis panduan dalam mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Objektif kajian adalah seperti berikut :

1.4.1 Menenalpasti sikap guru terhadap penggunaan komputer

1.4.2 Menenalpasti tahap pengetahuan aplikasi komputer kalangan guru.

1.4.3 Menenalpasti tahap kemahiran aplikasi komputer kalangan guru.

1.4.4 Menenalpasti tahap kesediaan guru terhadap penggunaan komputer dalam



1.4.5 Menenalpasti perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru terhadap

penggunaan komputer berdasarkan faktor-faktor demografi iaitu umur, jantina, pengalaman mengajar, gred jawatan, bidang pengkhususan dan kehadiran kursus komputer.





1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang timbul dalam kajian ini termasuklah

- 1.5.1 Apakah sikap guru terhadap penggunaan komputer?
- 1.5.2 Sejauh manakah tahap pengetahuan aplikasi komputer kalangan guru?
- 1.5.3 Sejauh manakah tahap kemahiran aplikasi komputer kalangan guru?
- 1.5.4 Sejauh manakah tahap kesediaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru terhadap penggunaan komputer berdasarkan faktor-faktor demografi iaitu umur, jantina, pengalaman mengajar, gred jawatan, bidang pengkhususan dan kehadiran kursus komputer?

1.6 Kepentingan Kajian

Kesesuaian dan kepentingan kajian boleh dilihat berdasarkan beberapa aspek, iaitu kepentingan kepada negara, guru-guru di sekolah menengah, para pelajar yang terlibat dalam aktiviti pembelajaran dan penyelidikan sendiri. Kepentingan kajian ini dapat dijelaskan seperti berikut:





- i. Hasil kajian ini merupakan ukuran untuk menilai kemahiran dan pengetahuan penggunaan komputer di kalangan guru dalam proses P&P. Dengan itu, hasil kajian ini boleh memberi gambaran kepada Kementerian Pelajaran dalam merancang aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru dalam penggunaan komputer dalam P&P.
- ii. Hasil kajian ini dapat meninjau tahap penggunaan komputer oleh guru di dalam pengajaran justeru itu dapat memastikan hasrat Kementerian Pelajaran untuk mengaplikasikan teknologi multimedia dalam pelajaran akan tercapai.
- iii. Bagi pihak guru yang bertanggungjawab melaksanakan inovasi baru ini, mereka akan mendapat input tentang masalah yang timbul dalam mengaplikasikan komputer dalam P&P. Melalui maklumbalas ini, usaha-usaha yang drastik dan jitu perlu dirangka semula bagi memastikan komputer digunakan dalam proses P&P adalah bersesuaian dan mendatangkan manfaat kepada semua pihak terutamanya pelajar.
- iv. Kajian ini akan memberi kesedaran kepada para guru tentang kepentingan mereka melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran komputer.
- v. Dapatan kajian ini memberi maklumat kepada pelajar terhadap tahap pengetahuan guru mereka mengenai penggunaan komputer yang secara tidak langsung akan mempengaruhi persepsi pelajar terhadap mata pelajaran yang dipelajari di sekolah.
- vi. Hasil kajian ini diharapkan akan memberi kesedaran kepada para pelajar tentang





kepentingan mereka melengkapi diri dengan pengetahuan dan kemahiran komputer. kajian ini juga untuk memastikan para pelajar bersedia untuk mengikuti arus perkembangan baru dalam bidang pendidikan.

- vii. Kajian ini juga diharapkan menjadi perintis jalan bagi penyelidik lain untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam tentang komputer dan penggunaannya dalam pendidikan selaras dengan wawasan kerajaan untuk menjadikan Teknologi Maklumat sebagai unsur penting dalam menghadapi alaf baru dan merealisasikan sistem pendidikan bertaraf dunia

1.7 Batasan Kajian



Kajian ini dibataskan kepada:

- i. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 80 orang guru yang mengajar di Kolej Vokasional Taiping, Kamunting Perak
- ii. Instrumen yang digunakan kajian ini adalah berbentuk soal selidik.
- iii. Tahap kesediaan guru terhadap penggunaan komputer yang difokuskan dalam kajian ini merangumi tiga aspek iaitu sikap guru terhadap penggunaan komputer, tahap pengetahuan aplikasi komputer dan tahap kemahiran aplikasi komputer .
- iv. Pengetahuan aplikasi komputer dan kemahiran aplikasi komputer di kaji dalam kajian ini ialah pemprosesan perkataan (MS Word), hamparan elektronik (MS Excel), persembahan elektronik (MS Power Point), hamparan data (MS Access),





Macromedia Flash, Authoware, Adobephotoshop, SPSS, CAD dan internet (pencarian maklumat dan komunikasi).

1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah-istilah yang digunakan untuk memudahkan perbincangan dalam kajian ini adalah didefinisikan seperti berikut :

1.8.1 Kesediaan guru terhadap penggunaan komputer



Menurut Kamus Dewan (2002), kesediaan bermaksud perihal sedia, kesanggupan, kerelaan. Dalam konteks kajian ini kesediaan guru terhadap komputer merangkumi tiga aspek iaitu sikap guru terhadap penggunaan komputer, tahap pengetahuan aplikasi komputer dan tahap kemahiran aplikasi komputer guru.

1.8.2 Sikap guru terhadap penggunaan komputer

Dalam kajian ini, sikap terhadap penggunaan komputer ialah kesedaran memberi komitmen terhadap penggunaan komputer dalam pendidikan sama ada bersikap positif atau negatif. Ia merangkumi dimensi afektif, kognitif dan tingkah laku. Dimensi afektif ialah berkaitan perasaan guru terhadap komputer dalam pendidikan, bagi dimensi kognitif





pula menggambarkan pengetahuan fakta (factual knowledge) guru tentang komputer manakala bagi dimensi tingkah laku pula menunjukkan penggunaan dan tingkah laku luaran guru terhadap komputer.

1.8.3 Kemahiran aplikasi komputer

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2002) menyatakan, kemahiran adalah berasal dari perkataan mahir, yang bermaksud kecekapan dan kepandaian. Dalam kajian ini kemahiran adalah kecekapan yang perlu ada pada guru untuk menjalankan tugasnya berdasarkan kepada ilmu aplikasi komputer seperti pemprosesan perkataan, persembahan elektronik, hampan elektronik, hampan data, CAD, Macromedia Flash, Authoware, Adobephotoshop, SPSS dan internet. (pencarian maklumat dan komunikasi).

1.8.4 Pengetahuan aplikasi komputer

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), definisi pengetahuan ialah perihal mengetahui, kepandaian dan kebijaksanaan. Dalam kajian ini pengetahuan aplikasi komputer ialah guru mengetahui berkenaan dengan, pemprosesan perkataan, persembahan elektronik, hampan elektronik, hampan data, CAD, Macromedia Flash, Authoware, Adobephotoshop, SPSS dan internet (pencarian maklumat dan komunikasi)





1.10 Penutup

Secara keseluruhannya kajian ini cuba untuk melihat dan mengenalpasti kesediaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Terdapat tiga aspek dalam menentukan kesediaan guru iaitu sikap guru terhadap penggunaan komputer, tahap pengetahuan aplikasi komputer dan tahap kemahiran aplikasi komputer.

